



-----  
**PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 2 TAHUN 2024**  
-----

**PELANTIKAN PRO-CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**

**Tujuan**

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelantikan Pro-Canselor baharu UMT.

**Latar Belakang**

2. Berdasarkan Seksyen 11 (1) Perlembagaan UMT, Canselor boleh melantik, atas nasihat Menteri, orang yang difikirkannya patut sebagai Pro-Canselor. Secara umumnya, Pro-Canselor bertanggungjawab menjalankan mana-mana fungsi berkaitan yang tidak dapat dilaksanakan oleh Tuanku Canselor, lazimnya berkaitan Majlis Konvokesyen tahunan UMT.
3. Pada masa sekarang, UMT mempunyai seorang Pro-Canselor iaitu YBhg. Tan Sri Samsudin bin Osman yang telah dilantik mulai 1 Februari 2010 dan akan tamat tempoh lantikan pada 31 Januari 2025.
4. Selaras dengan perkembangan semasa Universiti serta pertambahan bilangan graduan yang berjaya dikeluarkan oleh UMT, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Terengganu selaku Canselor UMT telah mengampuni perkenan melantik seorang lagi Pro-Canselor UMT iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali.

## **Tarikh Kuat Kuasa**

5. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **1 Mac 2024**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai pelantikan Pro-Canselor UMT.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**Ts. WAN ABDUL MANAN BIN WAN ABDULLAH**

Pendaftar

Universiti Malaysia Terengganu